

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN MELAKA BIL. 3 /2010

PENGELUARAN NOTIS DALAM BORANG 2B DI BAWAH PERENGGAN 15(1)(e) KANUN TANAH NEGARA 1965

Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk menarik perhatian Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah mengenai bayaran pengeluaran Notis dalam Borang 2B (selepas ini disebut Notis 2B) di bawah seksyen 15 Kanun Tanah Negara 1965 ("KTN") dan tindakan penguatkuasaan bagi ketidakpatuhan permintaan dalam Notis 2B oleh Penerima notis.

2. Perhatian tuan adalah ditarik kepada subkaedah 20(1), Item 62 Kaedah kaedah Tanah Melaka 1966 yang menetapkan bayaran bagi pengeluaran apa-apa notis atas permintaan tuan tanah atau orang awam adalah sebanyak RM50.00.

3. Dengan itu, permohonan untuk pengeluaran Notis 2B oleh mana-mana tuan tanah dan orang awam hendaklah dikenakan bayaran sebanyak RM50.00 sepertimana yang dipersetujui oleh semua Pentadbir Tanah dalam Mesyuarat Pentadbir-pentadbir Tanah Bil. 1/2010 bertarikh 20 Januari 2010.

4. Mana-mana Penerima Notis 2B adalah berkewajipan untuk mengemukakan dokumen seperti yang diminta oleh Pentadbir Tanah dalam Notis 2B itu dengan syarat dokumen tersebut bukanlah dokumen yang dia tidak boleh dipaksa untuk mengemukakan dalam sesuatu prosiding perbicaraan.

5. Seterusnya, subsekyen 424(1) KTN memperuntukan bahawa mana-mana orang atau badan yang, tanpa alasan munasabah, gagal untuk mengemukakan atau menyerahkan hantar apa-apa dokumen seperti yang dikehendaki oleh notis yang disampaikan dengan sah kepadanya dibawah perenggan 15(1)(e) adalah melakukan kesalahan, dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan denda

tidak melebihi RM500.00, atau penjara tidak melebihi sebulan, atau kedua-duanya sekali.

6. Kaedah 44, Kaedah-kaedah Tanah Melaka 1966 pula menetapkan bahawa kesalahan di bawah subsekyen 424 (1) KTN boleh dikompaun. Oleh yang demikian, mana-mana Penerima notis yang gagal atau sengaja engkar akan Notis 2B tersebut, maka Pentadbir Tanah hendaklah membuat penguatkuasaan terhadap Penerima Notis tersebut.

7. Kertas siasatan terhadap Penerima Notis yang gagal atau engkar hendaklah dibuka. Pentadbir Tanah hendaklah menyerah hantar kertas siasatan yang telah lengkap kepada Timbalan Pendakawaraya Negeri Melaka untuk mendapatkan arahan sama ada kesalahan tersebut wujud dan sama ada boleh dikompaun atau diteruskan dengan tindakan pendakwaan.

8. Arahan ini hendaklah dipatuhi dan berkuatkuasa serta merta.

(WAN IDRUS BIN WAN SARIFF)

Pengarah Tanah dan Galian
Melaka

Bertarikh : 18 haribulan Februari 2010

No. Rujukan fail : PTGM. UP.100/3/2 (3)